

# UiTM Kuala Pilah terima satelit Starlink pertama

Oleh **Farah Marshita Abdul Patah** - Julai 27, 2023 @ 9:04pm  
[farahmarshita@bh.com.my](mailto:farahmarshita@bh.com.my)



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (dua, kiri) bersama Menteri Komunikasi Dan Digital Fahmi Fadzi (kiri) menyerahkan peranti internet satelit Starlink kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Prof Dr Mohd Sazili Shahibi (kanan) sempena Karnival Segalanya FELDA Bersama Perdana Menteri Peringkat FELDA Wilayah Raja Alias di Dataran Seri Jempol hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Universiti Teknologi MARA (UiTM), hari ini, menerima unit pertama peranti satelit Starlink bagi kampus cawangan Kuala Pilah di Negeri Sembilan dalam usaha kerajaan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan internet.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, berkata unit Starlink pertama di negara ini sudah diserahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada pihak UiTM Kuala Pilah.

"Ini adalah satu daripada usaha pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah internet di institusi pengajian tinggi (IPT) terutamanya buat golongan mahasiswa.

"Beberapa lokasi IPT di kawasan terpencil juga sedang dikenal pasti untuk dilaksanakan perkhidmatan internet satelit ini," katanya menerusi catatan dalam laman Facebook, hari ini.

Beliau berkata, penyerahan berlangsung di Dataran Seri Jempol petang tadi.

Sebelum ini, beliau berkata, peranti satelit Starlink akan memulakan perkhidmatan menyediakan Internet di institusi pengajian tinggi (IPT) dan sekolah terlebih dahulu, sebagaimana yang diumumkan oleh Anwar sebelum ini.

Pada 15 Julai lalu, Perdana Menteri berkata, kerajaan bercadang menggunakan 40 peranti satelit Starlink di IPT untuk menaik taraf kemudahan capaian internet supaya capaian lebih luas dan pantas di kampus bagi memudahkan proses pembelajaran.

Anwar berkata, perkara itu tercetus hasil persidangan video secara maya dengan Ketua Pegawai Eksekutif SpaceX, Elon Musk, baru-baru ini.